

Masa depan sukar di Palestin – Dr. M

UMM - 14/11/2004: 3 Perdana

KUALA LUMPUR 13 Nov. – Rakyat Palestin menghadapi masa depan sukar selepas kematian pemimpin mereka Yasser Arafat, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Arafat, 75, menghembuskan nafas terakhir Khamis lepas di Hospital Tentera Percy, Clamart, Perancis.

“Saya nampak keadaan tidak begitu cerah, mereka terpaksa meneruskan perjuangan sehingga mencapai matlamat mereka,” kata Dr. Mahathir sewaktu ditemui selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Palestin, di sini hari ini.

“Dunia Barat tidak begitu simpati dan dunia Islam pula berpecah sesama mereka sehingga tidak ada kata sepakat. Dengan itu perkara ini susah untuk diselesaikan,” katanya.

Dr. Mahathir berpendapat selagi isu ini (Palestin) tidak diselesaikan, tidak ada keamanan, malah tindakan ganas akan berterusan dan beliau juga tidak nampak sebarang perubahan dengan pemilihan George W. Bush sebagai Presiden Amerika Syarikat untuk penggal kedua, dalam penyelesaian kepada masalah Israel-Palestin ini.

Mengulas mengenai pengganti Arafat, Dr. Mahathir berkata memang susah untuk mencari peng-

gantinya kerana pemimpin Palestin itu tidak pernah membayangkan siapa bakal penggantinya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata rakyat Palestin harus mengadakan pengundian untuk memilih pemimpin dan sekiranya tidak berjaya, mereka perlu mengadakan sidang Parlimen.

Beliau juga berharap semua pemimpin Palestin akan bersetuju sesama mereka untuk mencari pengganti Arafat yang berkaliber dan mempunyai pendirian yang sama seperti Arafat iaitu mengutamakan perjuangan daripada kepentingan diri.

Mengulas mengenai perjuangan Arafat, Dr. Mahathir berkata Arafat memang berada dalam keadaan cukup tertekan, tetapi beliau masih meneruskan perjuangan dengan penuh komitmen dan dedikasi walaupun dilempari tohmahan, kata dusta dan fitnah.

Katanya negara Barat tidak pernah adil terhadap Arafat dan perjuangannya dan tidak benar-benar mahu melihat penyelesaian kepada isu Palestin.

Ketibaan Dr. Mahathir dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, disambut oleh Konsul Palestin, Dr. Azmi Al Daqqa. – Bernama



DR. Mahathir Mohamad menandatangani buku takziah berikutan kematian Presiden Palestin, Yasser Arafat sambil diperhatikan oleh Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Kedutaan Palestin, Kuala Lumpur semalam.